

KELAS MEMPERINDAH TULISAN MELAYU

Pada bulan yang lalu, kumpulan Ikhwan Singapura dengan kerjasama yang berbahagia Cikgu Mahmud bin Ahmad, telah membuka sebuah kelas bagi mempelajari kaedah-kaedah memperindah tulisan Melayu (khat tulisan jawi) dengan panduan seorang guru yang mahir, yang mendapat ijazah dari Mesir, iaitu al-Ustaz al-Sayyid Abd al-Rahman al- Attas.

Kelas khas ini ialah bagi guru-guru Melayu dan bertempat di Sekolah Melayu Perempuan Geylang. Masa belajar: pada tiap-tiap hari Sabtu dari jam 9 hingga 10 pagi. 25 orang guru-guru lelaki dan perempuan telah pun menghadiri kelas ini.

Pada hari pembukaannya, Cikgu Mahmud telah menarik perhatian guru-guru kerana bernasib baik, mendapat seorang guru khat (khattat) yang mahir dan sukar mencari tandingannya di seluruh Tanah Melayu hari ini. Oleh itu beliau berharap guru-guru akan belajar dengan bersungguh-sungguh supaya dapat pula menurukannya kepada anak-anak kita di sekolah-sekolah Melayu dan dengan itu akan subur dan berkembanglah tulisan yang menjadi pusaka dan kebudayaan Melayu ini dengan bentuk yang indah dan seni.

Selama ini, kata Cikgu Mahmud lagi, kita penulis tidak menurut kaedah yang sebenar dan kerana itu hilanglah keindahan dan kesenian tulisan Melayu disebabkan tidak ada usaha ikhtiar bagi memperbaikinya. Mudah-mudahan kelas ini akan menjadi langkah yang pertama dan guru-guru semua akan menjadi pelopor dalam

lapangan ini, serta menjadi turutan bagi negeri-negeri Melayu yang lain.

Bagi pihak Ikhwan yang menganjurkan kelas ini, saudara Sayyid Abdullah Edrus (pengelola Ikhwan) pula telah menyatakan harapannya supaya kelas ini jaya dan dapatlah ilmu ini dikembangkan kepada anak-anak kita di sekolah-sekolah Melayu.

Ikhwan ke India

Saudara Muhammad Hanafiah

(Ikhwan 1455), seorang pelajar agama di Madrasah Masriyah Bukit Mertajam akan melanjutkan pelajarannya ke India dalam bahagian al-‘Ulum al-Shar’iyyah selama lima tahun.



Beliau berharap kepada

sekalian sahabat Ikhwan,

sudilah menderma seberapa yang ikhlas dan alamatkan kepada Madrasah Masriyah Bukit Mertajam Seberang Perai.

Tahun Hijrah 1377

Dengan timbulnya bulan Muharram ini maka kita telah memasuki tahun hijrah 1377. Tahun yang bersejarah dan bersempena baik, kerana di dalamnya telah tercipta kemerdekaan tanah air kita yang dikasihi, Semenanjung Tanah Melayu.